

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
[BUKIT BENDERA]**

TARIKH : 5.11.2014

SOALAN :

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini pelaksanaan projek 1BestariNet, jumlah sekolah yang sudah dilengkapi dengan jalur lebar berkelajuan tinggi serta jumlah pelajar yang aktif menggunakan sistem tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 17 September 2014, sebanyak 8,886 buah sekolah telah dirangkaikan dengan rangkaian 1BestariNet. Daripada segi penggunaan pula, pada tahun 2014, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mensasarkan sebanyak 30% murid mengaktifkan ID *Virtual Learning Environment* (VLE) menggunakan laman pembelajaran sekurang-kurangnya 30 minit setiap minggu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dapatan dari *dashboard* pemantauan KPI dari 5 hingga 11 September 2014 menunjukkan daripada 137,237 murid yang mendaftar masuk ke VLE dalam tempoh tersebut, 76,096 orang (**55%**) telah menggunakannya lebih daripada 30 minit seminggu.